

05 SEP 2002

Mahathir-Rogol/I

PM ARAHKAN SIASATAN SEGERA BERHUBUNG KES ROGOL GADIS FILIPINA

CYBERJAYA, 5 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau telah mengarahkan pihak berkuasa berkenaan menjalankan siasatan segera dan terperinci terhadap dakwaan seorang gadis Filipina kononnya dia telah menjadi mangsa pencabulan seksual semasa ditahan di sebuah pusat tahanan di Kota Kinabalu, Sabah.

"Saya ingin beri jaminan kepada kerajaan dan rakyat Filipina bahawa tindakan sewajarnya akan diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab mengikut undang-undang Malaysia," kata Perdana Menteri dalam kenyataan berhubung kes tersebut yang membabitkan gadis berumur 13 tahun itu.

"Kerajaan Malaysia dan saya secara peribadi memandang serius dakwaan yang dibuat oleh seorang gadis bawah umur dari Filipina, Cik Jawina Song bahawa dia telah menjadi mangsa pencabulan seksual," kata Dr Mahathir dalam kenyataan yang dikeluarkan pada majlis berasingan sempena mesyuarat keenam Panel Penasihat Antarabangsa Koridor Raya Multimedia (MSC-IAP) di sini hari ini.

Ketika menjawab soalan pemberita pada akhir mesyuarat hari ini mengenai surat yang dihantar oleh Presiden Filipina Gloria Arroyo Macapagal kepada beliau berhubung kes tersebut, Dr Mahathir berkata beliau akan membalasnya untuk menyatakan bahawa pihak berkuasa Malaysia akan menyiasat perkara itu secara serius.

"Dan jika kami dapati ia benar berlaku, kami akan dapatkan orang yang melakukannya dan dia akan menghadapi tindakan yang sewajarnya," kata beliau.

Agensi berita Reuters hari ini melaporkan Arroyo telah mengutus sepucuk surat kepada Dr Mahathir pada Rabu berhubung kes seorang gadis berusia 13 tahun yang didakwa dirogol oleh seorang anggota polis Malaysia di sebuah kem tahanan di Sabah.

Apabila ditanya sama ada terdapat kebenaran dalam dakwaan tersebut, Perdana Menteri berkata: "Kita perlu siasat. Kita tidak boleh terus katakan ia benar atau tidak."

Ditanya tentang reaksi awal beliau apabila menerima surat Arroyo, Dr Mahathir berkata: "Saya amat kesal perkara seperti ini boleh berlaku sama sekali, maksud saya kenapakah ada dakwaan seperti ini."

Bagaimanapun, Perdana Menteri memberi jaminan bahawa sekiranya dakwaan tersebut terbukti benar, adalah menjadi tugas kerajaan Malaysia mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat.

Ditanya tentang laporan kononnya surat yang dihantar oleh Arroyo bernada keras, beliau berkata ia mungkin menggunakan kata-kata keras kerana "mereka amat marah mengenainya."

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia perlu sedar bahawa mereka tidak boleh lari daripada menghadapi undang-undang sekiranya mereka melakukan jenayah.

"Rakyat kita patut pelajari bahawa mereka tidak boleh melepaskan diri daripada perkara seperti ini. Ia boleh merosakkan negara, juga imej kita," kata beliau.

Ketika diminta mengulas tentang kedudukan hubungan Malaysia-Filipina berikutan episod terbaru ini, Dr Mahathir berkata: "Kita akan lihat semua ini mengenai apa."

-- BERNAMA

MAM HK SP NMO